

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya
No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

PERASMIAN SYMPOSIUM ON COST OF LIVING 2021 (SCOL 2021)
OLEH YANG BERHORMAT DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI,
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL
PENGGUNA

7 OKTOBER 2021

PUTRAJAYA – Pada hari ini, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menyempurnakan perasmian **Symposium On Cost Of Living 2021 (SCOL 2021)** secara dalam talian. Pengajuran SCOL 2021 yang julung kali ini adalah bagi mengumpulkan semua pemegang taruh, penggubal dasar, pelaksana, ahli akademik serta aktivis sosial daripada agensi kerajaan pusat, kerajaan negeri, pihak korporat, institusi pendidikan tinggi, persatuan perniagaan serta pertubuhan sosial. SCOL 2021 akan berlangsung selama dua (2) hari bermula pada 7 Oktober 2021 melibatkan 106 buah agensi kerajaan pusat dan negeri, pihak korporat, persatuan perniagaan serta pertubuhan sosial. Ia diadakan sepenuhnya secara atas talian melalui aplikasi Zoom dan Facebook Live Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Majlis Perasmian SCOL 2021 turut dihadiri oleh Yang Berhormat Dato' Rosol bin Wahid, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal

**EMBARGO SEHINGGA YBM PDNHEP SELESAI PERASMIAN SCOL 2021
(7 OKTOBER 2021- 10:30 PAGI)**

Pengguna dan YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha KPDNHEP.

Ucap tama SCOL 2021 telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Tan Sri Dato Seri Dr. Noor Azlan Ghazali, Pengarah Eksekutif, Majlis Tindakan Ekonomi (EAC). Manakala tujuh (7) sesi lain melibatkan panel-panel berkaliber daripada pelbagai bidang seperti YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Sulaiman Mahbob, YBhg. Dato Dr. Madeline Berma, YBhg. Datuk Wira (Dr.) Haji Ameer Ali Mydin, YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Abd. Rashid, YBrs. Dr. Muhammed Abdul Khalid, YBrs. Dr. Anthony Dass, Yang Mulia Ungku Norliza Syazwan Ungku Halmie, Chef Kalidevan Dev Murugaya, Encik Kuan Chee Heng atau lebih dikenali sebagai Uncle Kentang.

Simposium ini merupakan salah satu usaha kementerian bagi mendapat input, maklum balas serta pandangan daripada semua pihak berkaitan dengan cabaran baharu dalam menangani isu kos sara hidup. SCOL 2021 juga akan membincangkan pelbagai idea baharu dalam memperkasakan lagi usaha menangani kos sara hidup di Malaysia.

Antara perkara yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Dato Sri Alexander Nanta Linggi dalam ucapannya adalah kesan yang ketara terhadap ekonomi dan sosial kepada rakyat terutamanya bagi golongan M40 dan B40 disebabkan oleh pandemik COVID-19. Peralihan struktur sosial dan ekonomi ini akan memberi **kesan kepada kerajaan terutamanya dalam pemberian bantuan.**

Oleh itu, program-program bantuan kepada rakyat perlu disegerakan. **Kaedah one size fits all** kini adalah kurang sesuai dan tidak relevan bagi

**EMBARGO SEHINGGA YBM PDNHEP SELESAI PERASMIAN SCOL 2021
(7 OKTOBER 2021- 10:30 PAGI)**

menangani keperluan rakyat yang pelbagai. Ini adalah kerana ada rakyat yang terkesan memerlukan bantuan bakul makanan dan ada pula yang memerlukan bantuan kewangan bagi menampung bayaran komitmen bulanan bagi mereka meneruskan kehidupan dan mencari rezeki.

YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi juga menyentuh akan keperluan peranan dan tanggungjawab semua pihak dalam menangani isu-isu berkaitan kos sara hidup. Peranan dan tanggungjawab ini perlu dilhat dalam dua (2) perspektif utama iaitu:

- (i) pemain korporat harus mengutamakan penglibatan atau peranan yang lebih bertanggungjawab dalam mengawal dan mengurus industri masing-masing. Pengurusan industri yang lebih sihat akan menghasilkan **keseimbangan** di antara keperluan untuk **memperolehi keuntungan** dengan **tanggungjawab untuk memberikan yang terbaik kepada ahli Keluarga Malaysia** yang lain terutamanya rakyat samada dalam konteks sebagai **pengguna mahupun pekerja**. Sekiranya persekitaran ekonomi yang sihat dapat dicapai, KPDNHEP, sebagai contoh, tidak lagi perlu untuk melaksanakan kawalan harga sepanjang masa yang mana ia merugikan banyak pihak; dan
- (ii) rakyat terutamanya penerima bantuan sedaya upaya mengubah mentaliti daripada penerima kepada pemberi. Pendidikan perlu diterapkan supaya rakyat memahami keperluan untuk **hanya menerima bantuan dan pada tempoh yang diperlukan sahaja**.

**EMBARGO SEHINGGA YBM PDNHEP SELESAI PERASMIAN SCOL 2021
(7 OKTOBER 2021- 10:30 PAGI)**

Selain agenda utama melibatkan tujuh (7) sesi panel, Kementerian juga menganjurkan program **Forum Bicara Hati – Mendepani Isu Kos Sara Hidup Dari Perspektif Islam** bersempena dengan SCOL 2021. Panel yang dijemput adalah YBhg. Dato' Haji Badli Shah bin Haji Alauddin dan Ustaz Dr. Zamri Zainudin.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, pihak pemain industri dan orang ramai boleh menghubungi **Majlis Tindakan Sara Hidup Negara di talian hotline 03- 8882 7010/5741 atau melalui emel kepada secretariat.naccol@kpdnhep.gov.my**

###

Agensi di bawah KPDNHEP:

